

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM BERPUSATKAN PELAJAR

Kamarul Azmi Jasmi
Osmawadi Talip
Mohd Faez Ilias

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Talip, O., & Ilias, M. F. (2012). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berpusatkan Pelajar (Teaching Strategies and Student-Centered Learning in Islamic Education) in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 33-40. ISBN 99917-44-89-4.

ABSTRAK

Pengajaran berpusatkan pelajar bermaksud segala strategi pengajaran yang dilakukan oleh guru adalah berdasarkan kepada kehendak dan kemahuan pelajar. Situasi pembelajaran seperti ini seringkali membantu para guru khususnya dalam melatih pelajar mereka menghasilkan satu pengalaman yang luas. Dalam menghasilkan suatu pengajaran yang berpusatkan pelajar, guru-guru mestilah memenuhi beberapa langkah dalam prinsip asas pengajaran yang berkesan. Mereka juga mestilah memahami dengan mendalam tentang peranan yang perlu dimainkan oleh seorang guru kepada pelajarannya. Maka tujuan penulisan kertas kerja ini adalah untuk melihat beberapa prinsip-prinsip asas dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan serta memahami peranan sebagai seorang guru.

ABSTRACT

Student-centered teaching strategy means all teachers are doing is based on the needs and desires of the students. Learning situations like this often help teachers train their students, particularly in producing a wide experience. In creating a student-centered learning, teachers must try a number of steps in the basic principles of effective teaching. They also must understand the depth of the role to be played by a teacher to his or her students. The purpose of writing this paper is to examine some of the basic principles in the production of effective teaching and understand the role of a teacher.

REFERENCES

- Ahmad Mohd. Salleh (2008). *Pengajian Agama Islam & j-Qaf Metodologi dan Pedagogi Pendidikan untuk KPH Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.*
- Al-Quran al-Karim.
- Esah Sulaiaman (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Foo Sai Fook (2005). *Etika Perguruan: Jaminan Peningkatan Profesionalisme*. Serdang: Penerbitan UPM.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (2011). *Falsafah Pendidikan, Kurikulum dan Profesionalisme Keguruan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Shahabuddin Hashim, Dr. Rohizani Yaakub dan Mohd Zohir Ahmad (2003). *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Salleh Lebar (2009). *Pengurusan Sekolah di Malaysia dan Negara Brunei Darussalam: Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka. Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan, Abdul Aziz Abdul Shukor (2008). *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Ragbir Kaur A/P Joginder Singh (2009). *Panduan Ulangkaji Ilmu Pendidikan Untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Kamariah Abu Bakar (1997). *Pedagogi 2*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Sandra Goss Lucas dan A. Bernstein, Douglas (2005). *Teaching Psychology A Step By Step Guide*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM BERPUSATKAN PELAJAR

Kamarul Azmi Jas mi
Osmawadi Talip
Mohd Faez Ilias

Abstrak

Pengajaran berpusatkan pelajar bermaksud segala strategi pengajaran yang dilakukan oleh guru adalah berdasarkan kepada kehendak dan kemahuan pelajar. Situasi pembelajaran seperti ini seringkali membantu para guru khususnya dalam melatih pelajar mereka menghasilkan satu pengalaman yang luas. Dalam menghasilkan suatu pengajaran yang berpusatkan pelajar, guru-guru mestilah memenuhi beberapa langkah dalam prinsip asas pengajaran yang berkesan. Mereka juga mestilah memahami dengan mendalam tentang peranan yang perlu dimainkan oleh seorang guru kepada pelajarannya. Maka tujuan penulisan kertas kerja ini adalah untuk melihat beberapa prinsip-prinsip asas dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan serta memahami peranan sebagai seorang guru.

Kata kunci: pengajaran berpusatkan pelajar, pengajaran berkesan, prinsip asas pengajaran, peranan guru.

PENGENALAN

Kertas kerja ini membincangkan tentang beberapa prinsip asas pengajaran yang berkesan, iaitu menggalakkan hubungan pelajar dengan guru, menggalakkan keijasama antara pelajar, menggalakkan pembelajaran aktif, memberikan maklum balas yang cepat, menitik beratkan masa bertugas, komunikasi antara pelajar dengan guru, menghormati pelbagai bakat pelajar dan cara pembelajaran. Seterusnya, perbincangan bab ini juga menyentuh tentang peranan sebagai seorang guru mengenai dengan tugas seorang guru dan siapa yang akan guru hadapi.

BEBERAPA PRINSIP ASAS PENGAJARAN YANG BERKESAN

Pengajaran yang berkesan adalah merupakan perkara yang amat penting di ambil perhatian di dalam bidang perguruan. Istilah “berkesan” dan “menarik” adalah sesuatu yang amat sukar didefinisikan secara tepat kerana kedua-duanya berbeza mengikut keadaan dan persepsi seseorang (Kamarul Azmi dan Ab.Halim Tamuri,2007).Tujuh prinsip-prinsip asas pengajaran yang berkesan ini sememangnya boleh dijadikan panduan untuk amalan baik dalam pendidikan. Prinsip-prinsip ini boleh digunakan kepada pengajaran di mana-mana peringkat, prinsip-prinsip seperti berikut.

Menggalakkan Hubungan Pelajar dengan Guru

Hubungan yang kerap di antara pelajar dengan guru di dalam dan di luar bilik darjah adalah penting untuk mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik serta mengekalkan motivasi dan penglihatan pelajar dalam proses pembelajaran. Guru perlu mempunyai kemahiran

dalam memotivasikan pelajar, tanpa motivasi proses pembelajaran tidak bermakna dan tidak berkesan (Shahabudin Hashim *et al.*, 2003). Apabila pelajar tahu bahawa guru mereka mengambil berat tentang kemajuan mereka, mereka lebih cenderung untuk melakukan tugas an pembelajaran, walaupun tugas-tugas yang sukar. Di samping itu, mendapat pengalaman daripada beberapa orang guru boleh meningkatkan pelajar yang intelek dan mempunyai emosi komitmen kepada pembelajaran (Lucas & Bernstein, 2005).

Menggalakkan Kerjasama Antara Pelajar

Pembelajaran boleh dipertingkatkan apabila usaha dilakukan secara berpasukan. Seperti menghasilkan kerja yang baik, pelajar perlu melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran supaya kemahiran dapat terbentuk. Pembelajaran yang berkesan selalu datang melalui kerjasama antara pelajar dan bukannya usaha secara individu. Pembelajaran kolaboratif juga menawarkan kelebihan seperti membantu pelajar membangunkan tanggungjawab bersama semasa berinteraksi, yang mana idea-idea dan pemikiran mereka sendiri boleh berkembang dan boleh menguatkan lagi pemahaman mereka sendiri. Nilai pembelajaran kolaboratif ini terletak bagaimana pelajar belajar bekerja sebagai kumpulan, belajar tentang pendekatan inkuiri, belajar bagaimana menentu atau menolak pernyataan dan lebih daripada itu belajar bahawa sesuatu soalan itu tidak hanya ada satu jawapan sahaja (Rahil Mahyuddin *et al.*, 1997). Melalui pembelajaran bekerjasama antara pelajar ini akan membina proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Menggalakkan Pembelajaran Aktif

Pembelajaran yang aktif tidak hanya dilihat kepada aktiviti sukan. Pelajar yang melibatkan diri secara aktif boleh mengekalkan dan memahami lebih banyak kursus, aktif dalam percakapan, penulisan, perbincangan, perdebatan, serta mengaplikasikannya dengan pengalaman dan pengetahuan yang ada, bukannya duduk secara pasif ketika ceramah, video ditayangkan, atau sebagainya (Lucas & Bernstein, 2005).

Memberikan Maklum Balas Yang Cepat

Untuk menumpukan usaha mereka untuk belajar, maklum balas daripada pelajar amatlah penting mengenai apa yang mereka tahu dan apa yang mereka tidak tahu. Maklum balas ini seharusnya kerap dilakukan untuk memandu pelajar, ia boleh diambil dalam bentuk ujian berkaitan dengan pelajaran yang disampaikan serta mengadakan pelbagai kuiz, peperiksaan, projek, dan tugas lain yang boleh membantu guru untuk menilai pencapaian matlamat pengajaran dan pembelajaran mereka (Lucas & Bernstein, 2005).

Menitik Beratkan Masa Bertugas

Tempat seorang guru bertugas ialah sekolah. Di sekolah guru bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan oleh pentadbiran sekolah. Guru-guru hendaklah memainkan peranan yang penting dalam penggunaan masa terutamanya masa mengajar dengan memberi tumpuan pengajaran pada sesi kelas pada pelajaran yang hendak dipelajari, tidak perlu pada perbincangan remeh atau tidak relevan (Lucas & Bernstein, 2005). Mereka juga boleh membantu pelajar untuk menggunakan masa dengan bijak, kemahiran belajar yang cekap dan berkesan ada hubung kaitnya dengan pengurusan masa secara tepat. Guru bertanggungjawab memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi seperti mengajar pelajar dengan cekap dan dedikasi supaya setiap pelajar yang diajarnya akan berjaya mencapai keputusan yang diharapkan. Di samping itu juga guru hendaklah sentiasa berazam menambah ilmu pengetahuan dan kemahirannya dalam bidang pendidikan supaya dapat menjalankan tugas mengajar dengan cekap dan sempurna (Mok Soon Sang, 2011).

Berkomunikasi Dengan Pelajar

Setiap guru mengharapkan semua pelajar mencapai apa yang guru inginkan. Antara harapan yang tinggi seorang guru ialah semua pelajar dapat mencapai prestasi cemerlang yang mana boleh memberi motivasi kepada orang-orang yang lain seperti orang yang kurang bersedia atau kurang bersemangat untuk belajar. Apabila pelajar mempunyai harapan yang tinggi seperti guru mereka sebagai contoh, maka ini adalah satu cabaran dan ikutan kepada pelajar tersebut untuk mencapai harapan mereka (Lucas & Bernstein, 2005).

Komunikasi merupakan prinsip pertama pengajaran yang berkesan. Ia membuka ruang bagi pelajar

untuk mengemukakan soalan dan berbincang berkenaan masalah dan isu-isu berkaitan dengan kursus. Tidak kiralah sama ada pelajar menanyakan soalan sebelum, semasa atau selepas kelas (Lucas & Bernstein, 2005).

(1) Berkomunikasi dengan pelajar selepas waktu mengajar

Seorang guru atau pengajar disarankan bersedia bila-bila masa untuk pelajarannya. Guru hendaklah memberi galakan kepada pelajar untuk sering bertemu di pejabat. Cara yang baik ialah dengan memberi mereka satu tugas yang memerlukan pelajar membincangkannya di pejabat. Ini juga merupakan satu cara agar pelajar lebih memahami pelajaran yang diajar oleh guru di samping meningkatkan prestasi pelajar.

Perkara yang lebih penting adalah guru hendaklah sentiasa berada di pejabat pada masa pertemuan yang telah dijadualkan. Jika guru itu perlu pergi untuk beberapa minit, pastikan meninggalkan nota di pintu dengan menyatakan waktu kembali semula ke pejabat. Pembatalan pertemuan juga harus dimaklumkan kepada pelajar sama ada dengan meninggalkan nota atau melalui e-mel. Ini dianggap penting kerana kegagalan untuk hadir pada waktu pejabat seperti yang dijadualkan sering menjadi rungutan pelajar dan boleh menyumbang kepada penilaian negatif terhadap pengajaran (Lucas & Bernstein, 2005).

(2) Berkomunikasi dengan pelajar melalui e-mel

E-mel merupakan teknologi terkenal pada masa kini. Melalui e-mel, pelajar lebih mudah menghubungi guru atau pengajar di mana sahaja mereka mempunyai akses kepada Internet. E-mel juga memberi peluang kepada guru dan pelajar bertindak balas dengan pantas tanpa harus menunggu waktu pejabat dibuka. Di samping itu, pelajar yang pendiam pula akan berasa lebih selesa menanyakan soalan dan bebas mengeluarkan idea mereka yang mungkin tidak mungkin mereka lakukan di kelas atau semasa perjumpaan di pejabat.

Di samping berjumpa terus ke pejabat, e-mel juga merupakan teknologi yang berguna bagi pelajar apabila mereka mengalami masalah akademik atau memerlukan nasihat untuk masalah peribadi. Komunikasi secara bersemuka dan elektronik merupakan kombinasi komunikasi yang ideal. Hakikatnya, kebanyakan pelajar akan menyemak e-mel mereka beberapa kali dalam sehari menjadikannya amat sesuai untuk menubuhkan '*mailgroup*' untuk kelas di mana guru boleh berkomunikasi dengan semua pelajar sekaligus dan pelajar juga boleh berkomunikasi antara satu sama lain. '*Mailgroup*' yang aktif juga merupakan cara yang baik bagi guru untuk mengingatkan pelajar tarikh akhir menghantar tugas mereka, menjawab soalan-soalan atau memberitahu kepada pelajar tentang maklumat terbaru (Lucas & Bernstein, 2005).

Menghormati Pelbagai Bakat dan Cara Pembelajaran

Seperti orang lain, pelajar mempunyai pelbagai perbezaan yang tersendiri, dari segi perbezaan pengetahuan, bakat yang mereka miliki dan perbezaan kemahuan untuk belajar. Seorang pelajar yang mahir dalam perbincangan di dalam kelas mungkin kurang mahir di dalam kajian makmal. Pelajar yang mahir di dalam berurusan sendiri tentang perkara-perkara yang praktikal di tempat kerja mungkin kurang mahir memberi tumpuan kepada teori abstrak atau menyelesaikan masalah kumpulan.

Seorang guru hendaklah sentiasa beri peluang kepada pelajar untuk menunjukkan bakat mereka di dalam belajar dan bekerja, tetapi di samping itu juga guru hendaklah menggalakkan pelajar-pelajar untuk mempelajari cara-cara baru yang boleh mencabar kebolehan pelajar (Lucas & Bernstein, 2005).

(1) Mengatur dan Bersedia

Penyusunan dan perancangan yang awal tentang pengajaran yang boleh membantu anda untuk menentukan apakah pelajaran yang akan dipelajari dan mudahnya pelajar menerima isi pelajaran tersebut. Kursus yang terancang dan teratur adalah satu usaha yang menampakkan kepada pelajar tentang betapa prihatinnya seorang guru itu tentang pengajaran dan pembelajaran. Persepsi seorang guru yang penyayang dapat dinilai oleh pelajar berkaitan dengan kelakuan guru itu sendiri (Lucas & Bernstein, 2005).

(2) Interaksi dengan pelajar

Interaksi ialah satu proses saling bertindak antara individu lain dan dengan alam sekitar. Interaksi yang berlaku

di dalam bilik darjah ialah seperti: percakapan antara guru dengan pelajar, percakapan antara pelajar dengan pelajar, apabila murid membuat soalan daripada buku kerja mereka dan apabila pelajar menerangkan mengenai kerja projek yang mereka buat (Ragbir Kaur, 2009). Interaksi yang boleh berlaku dalam bilik darjah terbahagi kepada tiga:

(a) Percakapan guru

Percakapan guru terbahagi kepada dua iaitu pengaruh langsung dan pengaruh tidak langsung. Percakapan guru (pengaruh langsung) kebiasaannya guru ini sering menggunakan di dalam teknik bersyarah. Di dalam kaedah bersyarah ini guru akan memberi arahan dan juga kritikan untuk mewujudkan interaksi antara guru dan pelajar lebih terkawal. Interaksi dalam bilik darjah ini adalah satu bala sahaja dan penglihatan pelajar-pelajar adalah kurang. Sebaliknya, dalam percakapan guru (pengaruh tidak langsung), guru akan sering menyoal pelajar untuk mendapatkan tindak balas dan pendapat mereka. Teknik ini lebih membina interaksi yang positif dan membina suasana yang kondusif dalam bilik darjah. Di dalam teknik ini interaksi guru dengan pelajar menjadi dua hala dan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan (Ragbir Kaur, 2009).

(b) Percakapan pelajar

Percakapan pelajar ialah interaksi daripada tindak balas dan respons pelajar yang mana melalui inisiatif pelajar dalam melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam keadaan ini interaksi menjadi pelbagai hala kerana terdapat perbincangan yang aktif di antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar (Ragbir Kaur, 2009).

(c) Kesenyapan

Interaksi bilik darjah boleh juga terjadi dalam keadaan senyap yang mana disebabkan oleh berlakunya kekeliruan komunikasi antara guru dan pelajar (Ragbir Kaur, 2009).

Guru yang berkesan dapat dinilai daripada ke cenderungannya di dalam kemahiran berinteraksi dengan pelajar, dari segi kasih sayang, psikologi, dan usaha yang berterusan di dalam pengajaran. Terdapat banyak cara untuk mendapatkan interaksi yang berkesan, seperti cergas dalam menyampaikan pengajaran, demonstrasi yang menarik, dan lain-lain aktiviti yang dramatik di dalam bilik darjah, tetapi untuk mendapatkan kualiti yang tinggi, guru hendaklah mahir

dalam penyampaian pengajaran, pemberian tugas dan peperiksaan serta sistem penilaian pemarkahan kepada pelajar. Apabila pelajar rasa guru itu bersemangat untuk mengajar mereka, maka perasaan yang sama akan timbul ke atas diri pelajar itu sendiri (Lucas & Bernstein, 2005).

(3) Adil dan Beretika

Keadilan dan etika yang tinggi dalam menyampaikan pengajaran, ketika berhadapan dengan pelajar, dan dalam menilai mereka dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan dan berkualiti tinggi. Tujuannya ialah untuk memastikan bahawa pelajar dilayan secara adil antara satu sama lain di dalam kelas. Kejujuran dan keyakinan seorang guru di dalam pengajaran adalah penting. Mempunyai tahap etika yang tinggi sangatlah perlu ketika menyampaikan pengajaran yang mana boleh menimbulkan keyakinan pelajar untuk belajar. Seorang guru hendaklah adil dalam pemarkahan, seperti tidak berat sebelah terhadap pelajar, dan mengelakkan daripada perkara-perkara yang tidak baik terhadap pelajar. Penyalahgunaan kuasa, diskriminasi dan berat sebelah adalah sifat yang tidak terdapat pada seorang pengajar (Lucas & Bernstein, 2005).

PERANAN SEBAGAI SEORANG GURU

Kecemerlangan seseorang pelajar sama ada dalam bidang akademik mahu pun bukan bidang akademik adalah tertakluk kepada proses pengajaran dan pembelajaran guru yang berkesan, di samping itu juga ianya adalah bergantung kuat kepada tanggungjawab dan kepimpinan guru itu sendiri. Walaupun guru-guru telah didedahkan bermacam-macam kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran namun sekiranya tidak dipraktikkan maka tidak akan dapat hasil yang diharapkan. Sebab itu guru mestilah mempunyai niat yang betul sebagai seorang guru dan juga mempunyai sifat jujur dan ikhlas. Di samping mengajar guru juga adalah sebagai pemimpin pelajar dan juga masyarakat sekitar. Ia sesuai dengan prinsip etika kerja dan kehendak ajaran Islam yang mana Allah jadikan manusia di muka bumi ini ialah sebagai khalifah Allah S.W.T. Firman Allah:

Maksud: *Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi."*

(Surah al-Baqarah, 2:30)

Segala pengalaman yang dipelajari akan memperkayakan lagi kemahiran dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas harian. Lebih-lebih lagi dalam memastikan pencapaian pelajar secara berterusan. Apabila pelajar sudah yakin yang mana guru mereka sudah menjalankan kewajipan yang diamanahkan maka mereka akan bersemangat dan akan lebih motivasi untuk mendapat kejayaan yang lebih cemerlang (Salleh, 2009).

Tugas seorang guru

Guru ialah seorang yang menjalankan tugas sebagai pendidik dan pemimpin. Di samping itu juga guru bukan setakat mengajar sahaja malah meliputi pelbagai bidang (Esah, 2004). Guru yang membentuk dan mencorak masyarakat untuk menentukan masa depan yang akan dihadapi, guru adalah penyebar ilmu, penyelidik, pengurus pembelajaran, pembimbing, pembentuk akhlak, penjaga impian, pembina kemahiran sosial dan guru juga sebagai penjaga atau ibu bapa kepada pelajar-pelajar (Esah, 2004). Oleh itu seorang guru mestilah mengetahui tanggungjawab yang diamanahkan dan menjalankannya dengan secara ikhlas dan jujur. Mengikut istilah yang digunakan oleh sarjana-sarjana Islam, guru atau pendidik ialah *murabbi*, *muallim*, *muaddib*, *mudarris alim* atau ulama. Tugas seorang guru ini adalah tugas yang mulia, Islam amat hormat

dan menyanjung tinggi kepada tugas seorang guru, ianya bukan sahaja berperanan untuk keperluan diri sendiri, malahan juga ianya untuk menjadikan masyarakat bersepadu, komitmen dan hubungan dengan hukum Allah. Firman Allah:

Maksud: *“Sesungguhnya yang takut kepada Allah antara hambanya ialah ulama.”*

(Surah Faathir, 35:28)

Dalil di atas membuktikan betapa Islam memberi penghormatan kepada para guru. Seorang guru mestilah mencontohi Rasulullah sebagai teladan di dalam menjalani tugas seorang guru. Yang mana Rasulullah banyak mempunyai metodologi pendidikan yang boleh dijadikan panduan. Melalui ilmu sahalalah kita dapat menimbulkan kesedaran manusia terhadap Allah dan dapat membezakan sesuatu yang batil dan yang hak (Ahmad, 2008).

Dalam membincangkan tentang tugas seorang guru maka guru haruslah sentiasa mengambil berat tentang kelemahan yang timbul di dalam pelaksanaan yang dijalankan melalui membuat refleksi proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam masa yang sama juga setiap guru harus mengetahui, memiliki serta menghayati etika keija seorang guru (Salleh, 2009). Etika keija merupakan satu piawaian akauntabiliti yang boleh digunakan untuk menilai amalan-amalan kerja yang dilakukan oleh anggota sesebuah organisasi dari aspek etika (Foo Sai Fook, 2005). Kementerian Pelajaran Malaysia menyenaraikan lima prinsip etika kerja bagi seluruh warga kementerian iaitu: niat yang betul, perlakuan yang baik, penggerak ke arah kebaikan, mengotakan apa yang dikatakan dan berdisiplin dan beradab. Setiap guru mesti mempunyai dan menghayati etika tersebut maka segala apa yang di harapkan akan tercapai dalam melahirkan produk yang bermutu tinggi dan cemerlang dengan mudah.

Bagi pekerja Islam, mereka perlu melakukan pekerjaan dengan sepenuh hati menurut etika kerja Islam. Etika kerja dalam Islam merangkumi dari segi aspek keagamaan, peribadi dan profesionalisme. Tanggungjawab seseorang kepada semua urusan ialah satu kekuatan kepada asas Agama. Aspek peribadi ialah mencerminkan tingkah laku seseorang dan hubungan seseorang itu dengan orang lain. Profesionalisme pula ialah satu penghasilan keija yang berkualiti dan cemerlang. Ketiga-tiga aspek di atas ini perlu diperkukuhkan agar kita dapat menjalankan tanggungjawab seorang guru yang dapat dijadikan contoh bagi pelajar-pelajar (Salleh, 2009).

Pelajar yang berbeza

Perbezaan individu pelajar ialah satu konsep kepada keunikan dan ketidaksamaan di kalangan pelajar dari segi sifat-sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku sosial, bakat dan lain-lain aspek yang terdapat di kalangan para pelajar (Suppiah Nachiappan *etal.*, 2008). Di dalam bilik darjah terdapat juga pelajar-pelajar yang mempunyai perbezaan dari segi kognitif, pencapaian akademik, jantina, gaya pembelajaran, bangsa, budaya dan lain-lain aspek (Ragbir Kaur, 2009).

Perbezaan dari segi kognitif, pelajar-pelajar mempunyai aras kognitif yang berlainan. Yang mana kognitif ini terhasil daripada rangsangan yang diterima melalui persekitaran yang berlainan. Guru mestilah mengetahui latar belakang budaya pelajar. Pada masa ini banyak pelajar yang mempunyai perbezaan budaya, perkara ini seorang guru perlu ambil perhatian kerana di dalam pengajaran guru hendaklah mengelakkan perkara-perkara yang boleh menyinggung perasaan semua pelajar. Pelajar-pelajar juga berbeza dari segi fizikal, pada kebiasaannya pelajar lelaki lebih agresif daripada perempuan. Yang mana guru hendaklah tahu menyesuaikan tugas-tugas yang hendak diberikan. Dari segi emosi pula, semua pelajar mempunyai tahap emosi yang berlainan kerana mereka ini berasal daripada keluarga yang berlainan. Terdapat pelajar yang berasal daripada keluarga yang mempunyai kemahiran-kemahiran sosial dan terdapat juga pelajar yang tidak mempunyai kemahiran-kemahiran. Setiap orang mempunyai agama yang tersendiri begitu juga pelajar-pelajar yang akan guru hadapi. Pada kebiasaannya pelajar mengikuti ugama ibu bapa mereka. Pelajar daripada bangsa yang berlainan akan pergi ke tempat-tempat ibadah yang berlainan dan mempunyai kepercayaan yang berlainan.

Dengan terdapatnya perbezaan di antara pelajar-pelajar ini guru hendaklah mempunyai kemahiran dalam merancang untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran. Guru hendaklah mengetahui perbezaan individu pelajar itu terlebih dahulu supaya dapat merancang satu sistem pengurusan bilik darjah yang efektif. Untuk menangani masalah perbezaan pelajar ini guru digalakkan kepada penggunaan kaedah kumpulan atau pembelajaran koperatif dan kolaboratif untuk mengurangkan kesan pelajar yang berbeza. Di dalam kaedah kumpulan ini guru perlu mengumpulkan kebolehan pelajar yang sama di dalam satu kumpulan yang mana ianya boleh menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Perkara penting yang perlu guru ambil perhatian ialah bagi pelajar yang lemah, guru perlu menggunakan pendekatan individu supaya guru dapat mengambil perhatian yang lebih supaya dapat mengatasi sebarang masalah pembelajaran yang dihadapi (Ragbir Kaur, 2009).

RUMUSAN

Kertas kerja ini telah membincangkan tentang beberapa prinsip asas pengajaran yang berkesan, iaitu menggalakkan hubungan pelajar dengan guru, menggalakkan kerjasama antara pelajar, menggalakkan pembelajaran aktif, memberikan maklum balas yang cepat, menitik beratkan masa bertugas, komunikasi antara pelajar dengan guru, menghormati pelbagai bakat pelajar dan cara pembelajaran. Seterusnya, perbincangan bab ini juga membincangkan tentang peranan sebagai seorang guru mengenai dengan tugas seorang guru dan siapa yang akan guru hadapi.

Secara ringkasnya, apabila mengajar seorang guru akan menghadapi pelajar daripada pelbagai latar belakang etnik, keupayaan dan kurang upaya, minat, motivasi, dan harapan. Sesetengah pelajar akan diam-diam dan takut dan ada pula sebahagiannya yang terlalu yakin dan optimis. Semua perkara ini memang akan wujud di dalam bidang pendidikan. Bersedia untuk berhadapan dengan kepelbagaian pelajar adalah satu dimensi tugas yang bakal anda hadapi sebagai seorang guru.

RUJUKAN

- Ahmad Mohd. Salleh (2008). *Pengajian Agama Islam & j-Qaf Metodologi dan Pedagogi Pendidikan untuk KPH* Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Al-Quran al-Karim*.
- Esah Sulaiaman (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Foo Sai Fooi (2005). *Etika Perguruan: Jaminan Peningkatan Profesionalisme*. Serdang: Penerbitan UPM.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (2011). *Falsafah Pendidikan, Kurikulum dan Profesionalisme Keguruan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Shahabuddin Hashim, Dr. Rohizani Yaakub dan Mohd Zohir Ahmad (2003). *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Salleh Lebar (2009). *Pengurusan Sekolah di Malaysia dan Negara Brunei Darussalam: Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka. Suppiah
- Nachiappan, Ramlah Jantan, Abdul Aziz Abdul Shukor (2008). *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Ragbir Kaur A/P Joginder Singh (2009). *Panduan Ulangkaji Ilmu Pendidikan Untuk Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Kamariah Abu Bakar (1997). *Pedagogi 2*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Sandra Goss Lucas dan A. Bernstein, Douglas (2005). *Teaching Psychology A Step By Step Guide*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.